

Saranan hasil kajian *Investigative Research Report on Beneficiaries of Government Services Contracts* oleh JPJK untuk mereformasikan sistem pemberian tender kerajaan

“

**CADANGAN JPJK:  
GARIS PANDUAN  
REFORM SISTEM  
PEMBERIAN  
KONTRAK DI PREMIS  
KERAJAAN**

”



Ogos 2021

# Kandungan

Kandungan .....	2
1. Cadangkan Penambahbaikan sebelum pemberian tender.....	3
2. Cadangan penambahbaikan semasa proses mendapatkan tender..	4
3. Pembaharuan dalam Undang-undang.....	6
4. Penambahbaikan dalam Polisi .....	7
5. Pembaharuan Institusi .....	7
6. Reformasi hak pekerja Kontrak .....	8
7. Penambahbaikan selepas pemberian tender .....	9

# 1. Cadangkan Penambahbaikan sebelum pemberian tender

## a. Syarikat yang layak mendapat tender

- Disarankan hanya syarikat jenis pemilikan Sdn. Bhd, Berhad atau GLC dibenarkan mengambil bahagian dalam proses mendapatkan tender bagi perkhidmatan pembersihan dan pengawal keselamatan.

## b. **Senarai-hitamkan**

- **Senarai-hitamkan** Mana-mana syarikat yang menyumberluarkan kontrak (subkontrak) kepada Syarikat lain dan digantikan dengan kontraktor yang baru
- **Senarai-hitamkan** Syarikat yang dimiliki oleh ahli politik serta Pengarah atau pemegang saham syarikat yang ada hubungan dengan syarikat yang telah **disenaraihitamkan**
- **Individu yang disenaraihitamkan** tidak harus dibenarkan mengambil bahagian dalam proses mendapatkan tender.



### **c. Tetapan Nilai Sekuriti Bon**

- Tetapkan nilai sekuriti bon bagi setiap pemberian tender dalam lingkungan RM 200,000 – RM 300,000 untuk mengalakkan penglibatan syarikat-syarikat kecil dan menghalang monopoli oleh Syarikat besar

### **d. Pengurusan Bon secara Rasional**

- i) Bon digunakan untuk membayar gaji pekerja-pekerja yang syarikat gagal bayar gaji
- ii) Bon dilupuskan Sekiranya syarikat yang menerima tender terlibat dalam aktiviti pemberian atau penerimaan rasuah,
- iii) Bon dilupuskan jika syarikat memberi maklumat atau kelayakan palsu semasa memohon tender

## **2. Cadangan penambaaikan semasa proses mendapatkan tender**

### **a. Mengawalselia Jabatan Urus Setia**

- Mengawalselia semua aktiviti Jabatan Urus Setia dalam semua Kementerian atau agensi kerajaan.
- Sistem seimbang perlu dilaksanakan untuk memantau dan mengawalselia aktiviti semua ahli jabatan yang berkaitan.
- Membentuk jawatankuasa pemantauan untuk memantau proses perolehan dan juga mengatur jadual bagi

Pengambil keputusan dalam tempoh masa tertentu untuk mengelakkan mereka arif dengan perjalanan proses.

**b. Memantau perantikan Ahli Lembaga Pengarah bagi Jabatan Perolehan dan ahli jawatankuasa**

- Menetapkan syarat dan criteria semasa pemilihan Ahli Lembaga Pengarah dan ahliJawatankuasa untuk menjaga integrity
- Memeriksa latarbelakang mereka sebelum dilantik dimana Calon yang mempunyai hubungan politik atau memegang jawatandalam parti politik tidak harus dilantik.
- Melibatkan agensi luar seperti SPRM dan masyarakat sivil bagi menggagotai jawatankuasa bebas dan berfungsi sebagai badan pemantau.

**c. Pemberian projek atau kontrak harus transparen dan telus**

- Semuakeputusanpemberiankontrakharusdiberitahu kepada umum dan mesti menjelaskan rasional atau sebab pemberian kontrak tersebut termasuk menjelaskan sebab-sebab penolakan tender bagi syarikat yang tidakdapatkontrak.
- Nama syarikat, kandungan dan maklumat penting yang digunakan semasa mengambil keputusan harus dikongsi atas



dasar ketelusan (transparansi) selepas kontrak sudah diberikan dan bukan sebelumnya.

### 3. Pembaharuan dalam Undang-undang



#### a. Mansuhkan Undang-undang Kerahsian

- Undang-undang kerahsian seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) harus dimansuhkan bagi membolehkan perkongsian mengenai proses perolehan selepas kontrak diberikan.

#### b. Semua rekod dijadikan sebagai dokumen umum

- Menjadikan maklumat, arahan atau dokumen rasmi yang digunakan oleh Menteri semasa proses perolehan sebagai dokumen umum dan jika gagal dikemukakan, maka ia dijadikan satu kesalahan.

#### c. Libatkan pihak luar sebagai badan pemantau

- Harus menetapkan syarat undang-undang dalam melibatkan agensi luar seperti badan bukan kerajaan atau SPRM sebagai ahli jawatankuasa dan/atau sebagai badan pemantau semasa proses perolehan.

## 4. Penambahbaikan dalam Polisi

Pelaksanaan dan penggunaan polisi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam proses perolehan tender harus dikaji semula.

Perlu wujudkan mekanisme yang baru dan tepat untuk mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan Bumiputera dan penglibatan golongan bukan Bumiputera.

## 5. Pembaharuan Institusi

### a. Kuasa pendakwaan

- SPRM harus diberi kuasa pendakwaan bebas dari Jabatan Peguam Negara untuk mengelakkan Jabatan Peguam Negara menolak mendakwa kes-kes yang berkaitan dengan politik atau hubungan pengaruh politik.

### b. Perlantikan Ketua Pengarah SPRM

- Pemilihan untuk jawatan ketua Pengarah SPRM harus bebas daripada campur tangan pemerintah dan harus dipilih melalui satu sistem pilihanraya bagi tempoh yang ditetapkan dan hanya boleh dilucutkan jawatan oleh Yang Dipertuan Agong.

### c. Semua tender bagi GLC atau GLICs mesti telus (transperensi)

- Proses tender bagi projek kerajaan mesti dilakukan secara telus dan transperensi dengan penglibatan orang awam dalam perbincangan dan proses. Semua projek harus melalui proses perolehan yang telus (transperensi)

## 6. Penambahbaikan hak pekerja Kontrak

### a. Hak-hak pekerja

- Kami menuntut kerajaan untuk menetapkan syarat dan terma seperti di bawah dalam dokumen tender bagi menjamin hak pekerja. Jika kontraktor gagal mematuhi syarat dan terma tersebut maka kontraktor melanggar perjanjian dengan kerajaan dan patut dikenakan penalty dan disenaraihitamkan.

Hak pekerja dalam menikmati cuti tahunan dan cuti sakit berdasarkan Akta Kerja 1955.

- Waktu kerja harus dipatuhi seperti yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955





- ii) Hak untuk bekerja lebih masa seperti tertakluk dalam Akta Kerja 1955.
  - iii) Gaji harus diberi mengikut tahun perkhidmatan dan bukannya hanya mengikut gaji minimum.
  - iv) Menyediakan polisi insurans dan memberikan faedah-faedah lain seperti mana diamalkan di persekitaran kerja lain.
  - v) Memastikan alat perlindungan yang mencukupi dibekalkan kepada pekerja dalam keadaan pandemik.
- Syarat-syarat dan terma ini harus ditetapkan dalam pemberian kontrak dan mesti dijadikan sebagai kandungan utama kontrak.

## 7. Penambahbaikan selepas pemberian tender



### a. Pemantauan Tender

- Membentuk jawatankuasa audit dan memilih perwakilan dari perkhidmatan sivil dan badan bukan kerajaan untuk menjalankan audit berdasarkan prestasi syarikat, KPI perkhidmatan syarikat, penjagaan Kebajikan pekerja selepas tender diberi.
- Memastikan kontrak tidak diberikan kepada pihak yang tidak dikenali atau tidak layak.

- Audit dijalankan sekerap atau dijalankan setiap 6 bulan
- Laporan Audit harus diberitahu kepada umum untuk mengamalkan konsep ketelusan (transperensi).



## **Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK)**

D-3-33, Block D, 8 Avenue Business Centre, 8, Jalan Sungai Jernih 8/1, Petaling Jaya, Selangor Website: <https://jpkk.org/> Tel: 01110907989